

JOM SERTAI

ACADEMY IN INDUSTRY (AiI)

**LONJAKAN PRODUKTIVITI MELALUI
PENINGKATAN KEMAHIRAN**



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Inisiatif Kerajaan melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia



PELUANG KERJAYA YANG MENARIK

Inisiatif Academy in Industry (Aii) merupakan salah satu program kerjasama inovatif antara pihak kerajaan, industri, dan akademia dalam mendepani cabaran - cabaran yang dihadapi dalam peningkatan bakat

PENGENALAN

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MPC merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang bertanggungjawab memacu pertumbuhan produktiviti negara. Ia ditubuhkan mengikut Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia (Pemerbadanan) 1966. Berdasarkan hubungkait rapat antara produktiviti dan daya saing negara. MPC juga mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan tahap daya saing global Malaysia melalui inisiatif-inisiatif peningkatan produktiviti.

Di peringkat antarabangsa, MPC merupakan sebahagian dari rangkaian badan-badan utama global yang berperanan dalam pertumbuhan produktiviti dan daya saing. Antaranya ialah Bank Dunia, World Economic Forum (WEF), Institute of Management Development (IMD), Asia Productivity Organisation (APO), Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), dan ASEAN-OECD Good Regulatory Practice Network (GRPN).

Inisiatif Peningkatan Bakat

Modal insan, tenaga buruh dan bakat merupakan antara aset utama yang menyumbang ke arah pertumbuhan produktiviti yang pesat. Cabaran-cabaran dalam peningkatan bakat yang dihadapi oleh Malaysia telah dikenalpasti antara faktor utama yang mengekang peningkatan bakat yang produktif dan berdaya saing dengan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Malaysia Productivity Blueprint (MPB) telah menggariskan bahawa antara cabaran-cabaran utama dalam peningkatan bakat dan tenaga buruh di Malaysia ialah:

1. Ketidakpadanan kemahiran pekerja dengan permintaan pasaran;
2. Kebergantungan tinggi terhadap tenaga buruh asing yang berkemahiran rendah;
3. Kekurangan tenaga kerja mahir terutamanya dalam sektor-sektor berproduktiviti tinggi di Malaysia;
4. Pampasan pekerja yang rendah; dan
5. Ketidaksediaan pekerja untuk memasuki industri.



Justeru, terdapat keperluan untuk membangun tenaga kerja masa hadapan yang kukuh agar pertumbuhan produktiviti dapat ditingkatkan yang mana ia akan membawa kepada perkembangan ekonomi yang lebih dinamik.

Untuk tujuan ini, MPC melaksanakan Inisiatif Peningkatan Bakat yang menjurus kepada peningkatan pertumbuhan produktiviti negara.

Inisiatif peningkatan bakat dan tenaga kerja masa hadapan oleh MPC bertujuan menjajarkan semula pasaran buruh kepada sektor berproduktiviti pada kadar 3.6% setahun di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMKe-12).



Inisiatif ini akan menyumbang kepada pencapaian sasaran RMKe-12 untuk pampasan pekerja, peningkatan prestasi pencapaian pendidikan di Malaysia, dan mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.

Inisiatif Pembangunan Bakat MPC menyumbang kepada:

300k Sasaran penyertaan Ail sehingga 2025;

10k Syarikat rakan strategik Ail;

1k Syarikat mendapat pentauliahan SLDN;

11.9 Purata tahun persekolahan rakyat Malaysia
tahun menjelang 2026;

40% Pencapaian untuk Pampasan Pekerja, dengan merujuk kepada sasaran RMKe-12;

Peningkatan pendidikan bukan formal yang berasaskan kerja; Meletakkan pendidikan teknikal dan vokasional sebagai pendidikan arus perdana; dan

Mengatasi masalah ketidakcukupan pekerja turutamanya di sektor pembuatan.



AiI

Academy in Industry



Academy in Industry (Ail)

Inisiatif Academy in Industry (Ail) merupakan salah satu program kerjasama inovatif antara pihak Kerajaan, industri dan akademia dalam mendepani cabaran-cabaran yang dihadapi dalam peningkatan bakat.

Objektif Inisiatif Ail ialah untuk:

1. Membangunkan tenaga kerja masa hadapan yang mampan berasaskan permintaan pasaran dan keperluan industri;
2. Merapatkan jurang antara penawaran dan permintaan tenaga kerja;
3. Membangunkan bakat tempatan yang menerima upah yang berpadanan dengan kemahiran;
4. Mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing; dan
5. Meningkatkan pencapaian pendidikan negara.

Ail merupakan program selama 18 bulan di mana peserta akan diterima masuk bekerja sambil belajar di syarikat-syarikat yang terpilih. Melalui Ail, peserta akan menerima gaji yang setimpal dengan kelulusan dan kemahiran.

Ail Menangani Keseluruhan Ekosistem Bakat

Berdasarkan pendekatan berasaskan permintaan, Ail menawarkan program peningkatan bakat yang tidak terhad kepada pelajar tercicir sekolah, TVET dan lepasan universiti, tetapi merangkumi keseluruhan tenaga kerja aktif.

Kategori bakat Ail:

1. Lulusan sekolah

Menyediakan laluan kerjaya untuk pekerjaan mahir dan meningkatkan purata tahun persekolahan;

2. TVET dan lepasan universiti

Menyediakan kemahiran semula dan peningkatan kompetensi bagi TVET dan graduan universiti;

3. Kembali bekerja


Memberi peluang kembali bekerja kepada suri rumah, ibu tunggal, penganggur dan pesara; dan

4. Tenaga kerja yang belum diterokai

Tingkatkan kemahiran tenaga kerja orang asli, orang parol, orang kurang upaya (OKU) dan lain-lain.

Laluan Kerjaya Ail

Penanda aras gaji bakat Ail adalah berdasarkan kompetensi tahap kemahiran dan pengalaman calon.




Syarat Penyertaan Academy in Industry (Ail)

Individu yang berminat untuk menyertai Ail perlu memenuhi syarat seperti berikut:

1. **Warganegara Malaysia;**
2. **Berusia 18 hingga 40 tahun;**
3. **Mempunyai kemahiran menulis, membaca dan mengira (3M);**
4. **Lulus ujian saringan Ail;**

Ail

Carta Alir Penyertaan Ail



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Portal Rasmi
www.mpc.gov.my
aii.mpc.gov.my

Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor

Sekretariat
Puan Nor Idayuniza Rahmat
ayu@mpc.gov.my
012-9254820

